



SALMAN (tiga dari kiri) menerima ucapan tahniah daripada Mohamed Said di Kuantan kelmarin.

UMP um u m b arisan kepi m pinan baru MPP

KUANTAN - Selepas seminggu berakhirnya pilihan raya kampus, Universiti Malaysia Pahang (UMP) kini sudah mempunyai barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mereka yang baru.

Petang kelmarin, berlangsung Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPP 2007/08 di mana kesemua 15 calon yang menang pilihan raya kampus pada 2 Oktober lalu menerima portfolio masing-masing di Kampus UMP, Gambang di sini.

Jawatan Yang Dipertua MPP diamanatkan kepada Salman Razeni manakala calon yang menerima undian tertinggi, Wan Nazirah Wan Mohamad pula dilantik sebagai Naib Yang Dipertua I.

Sementara, Muhammad Afiq Zali dilantik sebagai Naib Yang Dipertua 2, Ahmad Nabil Shari (Setiausaha 1),

Maryam Ismail (Setiausaha 2) dan Jeffry Ahmad (Bendahari).

Sembilan pemenang lain pula dipilih sebagai Exco dengan portfolio masing-masing.

Dalam majlis itu, kesemua mereka mengangkat sumpah jawatan masing-masing di hadapan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela, Timbalan-Timbale Naib Canselor UMP serta dekan-dekan dan ketua-ketua jabatan di universiti berkenaan.

Dr. Mohamad Said berkata, beliau mahu melihat barisan MPP baru itu menjadi katalis dalam penyatuan minda dan gerak kerja badan-badan pelajar di universiti berkenaan.

"MPP dan badan pelajar perlu bekerjasama dalam apa jua aktiviti supaya kumpulan sasar menjadi lebih luas dan skala yang besar.